



PELAN STRATEGIK

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS

BERWIBAWA • PRIHATIN • SAKSAMA

**PELAN STRATEGIK
SURUHANJAYA BEBAS
TATAKELAKUAN POLIS
2024-2026**

BERWIBAWA • PRIHATIN • SAKSAMA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC),
Kementerian Dalam Negeri, Aras 7,
Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62546 Wilayah Persekutuan, Putrajaya.

E: proipcc@ipcc.gov.my

T: +603-8880 8801

Hakcipta Terpelihara

Semua Hakcipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC).

Dicetak oleh:

Minda Cetak Sdn Bhd

PV15 PPlatinum Lake Condominium,

G-07, 2A, Jalan Danau Saujana 2,

Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur

Tel: 03-4149 7000/4149 3000

E-mel: mindacetak.sdnbhd@gmail.com

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	3
PERUTUSAN PENERUS	5
GLOSARI	6
BAB 1: PENGENALAN	7
Ringkasan Eksekutif	8
Latar Belakang Penubuhan IPCC	9
Fungsi Suruhanjaya	10
Kuasa Suruhanjaya	11
Carta Organisasi	12
Carta Fungsi	13
BAB 2: HALA TUJU STRATEGIK	15
Visi	16
Misi	16
Nilai Teras	16
Nilai-nilai Bersama	16

BAB 3: ANALISIS SENARIO PERSEKITARAN	17
Pihak Berkepentingan	18
Pelanggan	18
Rakan Strategik	18
Isu dan Cabaran	19
BAB 4: PERANCANGAN STRATEGIK	21
Kerangka Strategik	22
Ringkasan Pelan Strategik	23
Strategi dan Pelan Tindakan	24
Teras Strategik 1: Memperkasa Integriti	25
Teras Strategik 2: Memperkasakan Pengurusan Aduan dan Siasatan	25
Teras Strategik 3: Memperkukuhkan Dasar dan Perundangan	27
Teras Strategik 4: Memantapkan Tadbir Urus dan Pembangunan Kapasiti	28
BAB 5: PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK	31
Mekanisme Pelaksanaan	32
Pemantauan dan Pencapaian	32
Penilaian	33
Elemen Penentu Kejayaan	33
PENUTUP	34

PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-NYA, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik IPCC 2024 hingga 2026. Pelan Strategik ini merupakan pelan perancangan komprehensif yang disediakan sebagai panduan dan rujukan utama dalam pelaksanaan, pemantauan, penilaian prestasi dan semakan semula program yang direncanakan. Pelan Strategik ini dibangunkan bagi mencapai visi, misi dan objektif penubuhan IPCC selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839].

Pelan Strategik ini juga menggariskan usaha untuk memperkasa dan memantapkan integriti secara bersepadu, komprehensif dan holistik selaras dengan hasrat menjadikan IPCC sebagai agensi peneraju dalam menggalakkan integriti melibatkan anggota pasukan polis. Semoga segala program yang direncanakan dalam Pelan Strategik ini dapat dilaksanakan dengan berkesan sekaligus memastikan keberhasilan pewujudan IPCC sebagai badan pemantau bebas terhadap aspek salah aku anggota pasukan polis.

Selain menggariskan mekanisme pengurusan aduan dan siasatan, Pelan Strategik ini turut memberi fokus kepada usaha bagi membendung budaya salah laku serta isu-isu berkaitan kebajikan anggota pasukan polis. Saya percaya pendekatan secara menyeluruh adalah lebih berkesan dalam usaha menggalakkan integriti serta bagi membolehkan kerjasama yang baik diberikan oleh semua pihak khususnya daripada pihak Polis Diraja Malaysia.

Saya dan seluruh Anggota Suruhanjaya berharap Pelan Strategik ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga kerja IPCC dengan memahami, menghayati dan melaksanakan secara teratur semua program yang digariskan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan Pelan Strategik ini.

Datuk Zolkopli bin Dahalan
Pengerusi
Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis



GLOSARI

AS	Anggota Suruhanjaya
BAS	Bahagian Aduan dan Siasatan
BHEP	Bahagian Hal Ehwal Perundangan
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BSK	Bahagian Strategik dan Korporat
IPCC	<i>Independent Police Conduct Commission</i>
PS	Pelan Strategik

1

PENGENALAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik IPCC 2024 – 2026 (PS IPCC 2024-2026) merupakan dokumen strategik yang dibangunkan bertunjangkan fungsi IPCC di bawah Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan IPCC 2022 [Akta 839].

PS IPCC 2024 - 2026 menetapkan 4 Teras Strategik, 10 Strategi, 14 Program dan 61 Aktiviti yang disasarkan untuk tempoh pelaksanaan mulai 2024 hingga 2026. PS IPCC 2024 - 2026 ini menjelaskan mekanisme pelaksanaan dan pengukuran prestasi aktiviti di bawah program yang direncanakan sebagai elemen penentu kejayaan yang dihasratkan.

Pelan strategik ini juga merupakan dokumen rasmi organisasi yang dirangka sebagai garis panduan buat seluruh warga kerja IPCC dalam memastikan visi, misi dan matlamat penubuhan IPCC dapat dicapai melalui pendekatan nilai-nilai bersama dalam kalangan warga kerja IPCC seperti nilai profesionalisme, amalan terbaik, kerja berpasukan, pemantapan integriti serta nilai pendidikan dan pencegahan.



LATAR BELAKANG PENUBUHAN IPCC

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 14 Ogos 2020 antara lain telah bersetuju dengan cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (*Independent Police Conduct Commission – IPCC*) 2020. Seterusnya RUU Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 ini telah diluluskan dalam Dewan Rakyat pada 26 Julai 2022 dan Dewan Negara pada 8 Ogos 2022. Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 ini kemudiannya mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16 pada 8 Oktober 2022 dan telah diwartakan sebagai Akta 839 pada 18 Oktober 2022. Akta 839 mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2023 seperti Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 574 yang disiarkan pada 21 November 2022.

IPCC telah mula beroperasi pada 1 November 2023 melalui pewujudan 36 perjawatan berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan Bil. K6 Tahun 2023 Ruj: MOF.600-9/12/47 JLD.2 (16) bertarikh 27 September 2023. Pengisian perjawatan ini turut melibatkan pegawai-pegawai peminjaman daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Jabatan Akauntan Negara.

Pada 15 Januari 2024, lima (5) Anggota Suruhanjaya telah dilantik bagi tempoh 3 tahun. Keanggotaan Suruhanjaya terdiri daripada YBhg. Datuk Zolkopli bin Dahalan sebagai Pengerusi IPCC, YBhg. Dato' Mohamad Jazamuddin bin Hj Ahmad Nawawi sebagai Timbalan Pengerusi IPCC manakala YBrs. Puan Martina@Kartina binti Zamhari, YBhg. Dato' Shukri bin Abdullah dan YBhg. Dato' Tan Kang Sai sebagai Anggota Suruhanjaya.

FUNGSI SURUHANJAYA

Seksyen 4 Akta 839 memperuntukkan empat (4) fungsi IPCC seperti berikut:

4(a)	Menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis.
4(b)	Menasihati Kerajaan dan membuat syor mengenai langkah-langkah yang sesuai untuk diambil dalam menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis.
4(c)	Melindungi kepentingan orang awam melalui penanganan salah laku mana-mana anggota pasukan polis.
4(d)	Membentuk dan mengadakan mekanisme bagi menerima aduan dan menyiasat salah laku oleh mana-mana anggota pasukan polis.

KUASA SURUHANJAYA

Seksyen 5 Akta 839 memperuntukkan lima (5) kuasa IPCC seperti berikut:



CARTA ORGANISASI



CARTA FUNGSI

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS

BAHAGIAN ADUAN DAN SIASATAN

1. Penerimaan dan pendaftaran aduan;
2. Saringan dan mengklasifikasi aduan mengikut jenis kesalahan;
3. Menjalankan siasatan salah laku ke atas aduan yang diterima;
4. Menyediakan dapatan siasatan dan syor tindakan kepada Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP);
5. Pemakluman keputusan kepada pengadu;
6. Menyediakan data statistik aduan dan siasatan;
7. Memantau perkembangan kertas siasatan berprofil tinggi; dan
8. Memantau siasatan jenayah seksual, cedera parah dan kematian dalam tahanan

BAHAGIAN HAL EHWAL PERUNDANGAN

1. Menasihati Anggota Suruhanjaya dan Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif berkaitan hal-hal perundangan;
2. Mengesyorkan kepada Suruhanjaya tindakan yang akan diambil berpandukan undang-undang berkuat kuasa;
3. Mengesyorkan dan membuat kajian keperluan pindaan Akta Suruhanjaya dan penggubalan peraturan [Akta 839];
4. Mengkaji dan meneliti kertas dan dapatan kertas siasatan; dan
5. Menyemak dan memberi nasihat perundangan, maklum balas dan ulasan terhadap draf perjanjian / memorandum persefahaman dan lain-lain berkaitan perundangan.

BAHAGIAN STRATEGIK DAN KORPORAT

1. Merancang, menyediakan dan menyelaraskan perkara-perkara dasar melibatkan Suruhanjaya;
2. Menyelaraskan pelaksanaan Pelan Strategik Suruhanjaya;
3. Menyediakan dan menyelaraskan laporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI);
4. Mengadakan sesi libat urus dan sesi meja bulat bersama pemegang taruh, kementerian, jabatan/agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat swasta, pihak media, pelajar universiti, pihak sekolah serta orang awam;
5. Mengadakan program pendidikan pencegahan kepada anggota pasukan polis;
6. Mengadakan sesi libat urus - program pendidikan masyarakat kepada orang awam;
7. Melaksanakan keurusetiaan bagi semua mesyuarat utama Suruhanjaya;
8. Menyelaraskan penyediaan Laporan Tahunan Suruhanjaya;
9. Merancang dan menyediakan pelan komunikasi Suruhanjaya;
10. Menjadi *focal point* Suruhanjaya dalam penyampaian dan penyaluran maklumat serta peningkatan imej korporat;
11. Merancang dan mengurus perolehan / pembelian / sewaan serta pinjaman aset peralatan ICT; dan
12. Membantu memberi khidmat bantuan teknikal ICT serta rangkaian internet dan intranet.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

1. Mengurus pengambilan, pengisian jawatan, pelantikan, penempatan, pertukaran, penamatan dan persaraan pegawai;
2. Mengurus dan menyelaraskan Pembangunan Sumber Manusia dan keperluan latihan serta penajaan;
3. Merancang dan menyelaraskan urusan psikologi, khidmat nasihat dan bimbingan serta penganugerahan dan pengiktirafan;
4. Melaksanakan perolehan aset dan inventori serta pentadbiran;
5. Mengendali dan mengurus majlis / program rasmi;
6. Mengurus dan menyelaraskan urusan penerimaan, penyimpanan, pendaftaran dan hapus kira aset alih dan aset tak alih serta pengurusan stor dan inventori;
7. Merancang dan mengurus aspek keselamatan;
8. Merancang, mengurus dan mengawal kedudukan kewangan Suruhanjaya;
9. Menyediakan Laporan Perbelanjaan Bulanan, Tahunan dan Penyata Penyesuaian Vot Perbelanjaan;
10. Mengadakan naziran berkaitan kebajikan dan kesejahteraan PDRM (kuarters, balai polis, lokap, pos kawalan, pengkalan udara, aset dan pakaian seragam); dan
11. Merancang, merangka dan menyelaraskan pembangunan sistem, aplikasi dan *website*.





2

HALA TUJU STRATEGIK

VISI



BADAN PEMANTAU BEBAS YANG
DIPERCAYAI BAGI MENINGKATKAN
KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP
INTEGRITI PASUKAN POLIS

MISI



- MEWUJUDKAN MEKANISME ADUAN
DAN SIASATAN YANG EFEKTIF,
EFISIEN DAN SAKSAMA
- MEMPERTINGKATKAN STANDARD
KEPOLISAN

NILAI TERAS



“BERWIBAWA, PRIHATIN,
SAKSAMA”

NILAI-NILAI BERSAMA



- PEMANTAPAN INTEGRITI
- KERJA BERPASUKAN
- PROFESIONALISME



3

ANALISIS SENARIO PERSEKITARAN

PIHAK BERKEPENTINGAN

- **Parlimen**
- **Jemaah Menteri**
- **Jabatan Perdana Menteri (JPM)**
- **Kementerian Kewangan (MOF)**
- **Kementerian Dalam Negeri (KDN)**
- **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**
- **Jabatan Peguam Negara (AGC)**
- **Jabatan Digital Negara (JDN)**
- **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**
- **Jabatan Audit Negara (JAN)**
- **Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)**

PELANGGAN

- **Orang Awam**
- **Penjawat Awam**
- **Firma Guaman**

RAKAN STRATEGIK

- **Kerajaan Persekutuan**
- **Kerajaan Negeri**
- **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**
- **Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)**
- **Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)**
- **Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)**
- **Institut Integriti Malaysia (IIM)**
- **Biro Pengaduan Awam (BPA)**
- **Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**
- **Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)**
- **Majlis Peguam Malaysia**
- **Badan Bukan Kerajaan (NGO)**
- **Rakan IPCC, *Police, Friends and Collaborators* (IPFC)**
- **Pertubuhan Antarabangsa**
- **Pihak Swasta**
- **Media**

ISU DAN CABARAN

Dalam usaha untuk memastikan IPCC melaksanakan program dan aktiviti dengan cekap dan sistematik, IPCC perlu sentiasa bersedia menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang.

Dalam konteks ini, IPCC berdepan beberapa isu yang memberi kesan langsung kepada keupayaan organisasi melaksanakan fungsi pengawasan secara efektif. Isu utama melibatkan tahap keyakinan rakyat terhadap keberkesanan IPCC sebagai badan berkanun yang bebas dan telus. Selain itu, tahap kesedaran awam mengenai IPCC masih rendah di mana masyarakat belum memahami sepenuhnya fungsi serta peranan IPCC yang menyebabkan salah tanggapan mengenai fungsi IPCC sebagai badan bebas yang hanya melihat kepada salah laku anggota pasukan polis sedangkan kuasa sebenar IPCC merangkumi penambahbaikan dan kesejahteraan anggota pasukan polis.

Dari aspek cabaran organisasi, IPCC berhadapan kekangan penjawatan yang boleh menjejaskan kapasiti penyiasatan dan pengurusan aduan. Kepelbagaian bentuk aduan yang diterima memerlukan kepakaran dalam pelbagai bidang, manakala ekspektasi rakyat terhadap ketelusan dan penyelesaian aduan semakin meningkat. Selain itu, usaha menggalakkan integriti dalam sebuah jabatan yang telah lama ditubuhkan dan mempunyai bilangan anggota yang besar merupakan cabaran yang amat besar kerana ia menuntut transformasi minda, pemantapan tadbir urus yang berterusan dan memastikan dasar-dasar berkaitan integriti diarusperdanakan.

IPCC juga akan memastikan setiap tindakan yang dilaksanakan menyokong agenda Malaysia Madani melalui amalan tatakelola yang lebih progresif dan berprinsip.





4

PERANCANGAN STRATEGIK

KERANGKA STRATEGIK



PERANCANGAN STRATEGIK KEMENTERIAN DALAM NEGERI				
VISI	BADAN PEMANTAU BEBAS YANG DIPERCAYAI BAGI MENINGKATKAN KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP INTEGRITI PASUKAN POLIS			
MISI	MEWUJUDKAN MEKANISME ADUAN DAN SIASATAN YANG EFEKTIF, EFISIEN DAN SAKSAMA		MEMPERTINGKAT STANDARD KEPOLISAN / <i>ENHANCE POLICING STANDARD</i>	
KEBERHASILAN STRATEGIK	PERKHIDMATAN KEPOLISAN YANG BERINTEGRITI		KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP PASUKAN POLIS MENINGKAT	
TERAS STRATEGIK	TERAS 1: MEMPERKASA INTEGRITI	TERAS 2: MEMPERKASAKAN PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN	TERAS 3: MEMPERKUKUHKAN DASAR DAN PERUNDANGAN	TERAS 4: MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN PEMBANGUNAN KAPASITI
STRATEGI UTAMA	10 STRATEGI UTAMA			
GAME CHANGERS	INTEGRITI PEMBANGUNAN KAPASITI PEREKAYASAAN PROSES KERJA PENGURUSAN PERUBAHAN <i>ARTIFICIAL INTELLIGENCE (A.I)</i> DIGITALISASI INKLUSIF			
NILAI TERAS	BERWIBAWA PRIHATIN SAKSAMA			

RINGKASAN PELAN STRATEGIK



TAHUN 2024 : 43 AKTIVITI
TAHUN 2025 : 31 AKTIVITI
TAHUN 2026 : 26 AKTIVITI
TAHUN 2027: 27 AKTIVITI

TERAS 1: MEMPERKASA INTEGRITI	3 STRATEGI - PENGUKUHAN SISTEM SOKONGAN IPCC - PENGUKUHAN JATI DIRI - PENGUKUHAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI	3 PROGRAM PROGRAM 1 - IPCC, POLICE, FRIENDS AND COLLABORATORS PROGRAM 1 - PENGHAYATAN NILAI-NILAI MURNI PROGRAM 1 - PENGURUSAN MEDIA DAN KOMUNIKASI STRATEGIK	10 AKTIVITI
TERAS 2: MEMPERKASAKAN PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN	1 STRATEGI PENGUKUHAN MEKANISME KAWALAN DAN PEMATUHAN	3 PROGRAM PROGRAM 1 - PEWUJUDAN DAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA DI BAWAH AKTA 839 PROGRAM 2 - PEWUJUDAN SUMBER RUJUKAN DAN PENGOPERASIAN PROGRAM 3 - MEWUJUDKAN PIAGAM PELANGGAN	18 AKTIVITI
TERAS 3: MEMPERKUKUHKAN DASAR DAN PERUNDANGAN	1 STRATEGI PEMANTAPAN AKTA 839	2 PROGRAM PROGRAM 1 - KAJIAN SEMULA DASAR DAN PERUNDANGAN PROGRAM 2 - PENYEDIAAN PERATURAN/ GARIS PANDUAN/ SOP	7 AKTIVITI
TERAS 4: MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN PEMBANGUNAN KAPASITI	5 STRATEGI - PENGUKUHAN KOMPETENSI PEGAWAI IPCC - PEMBANGUNAN TEKNOLOGI/SISTEM - PENDIGITALAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN IPCC - DATA MINING - PEMANTAPAN ORGANISASI	7 PROGRAM PROGRAM 1 - PEWUJUDAN PROFIL KOMPETENSI SUMBER MANUSIA PROGRAM 1 - PEMBANGUNAN SISTEM E-ADUAN DAN SIASATAN PROGRAM 1 - MEWUJUDKAN SISTEM KEWANGAN PROGRAM 1 - PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA IPCC PROGRAM 1 - MEMPERKASA SUMBER MANUSIA PROGRAM 2 - MENYEDIAKAN RUANG KERJA YANG KONDISIF PROGRAM 3 - KECERKAPAN TADBIR URUS AKAUNTABILITI DAN KEWANGAN	26 AKTIVITI

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 1: MEMPERKASA INTEGRITI

STRATEGI 1: PENGUKUHAN SISTEM SOKONGAN IPCC

Program 1: IPCC, *Friends and Collaborators*

Empat (4) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BSK** dan **BAS**.

A1 - Majlis Peluncuran IPFC

A2 - Sesi Libat Urus Bersama NGO

A3 - Sesi Libat Urus Bersama Media

A4 - Melaksanakan *Regular Engagement Programme* (REP) Bersama PDRM

STRATEGI 2: PENGUKUHAN JATI DIRI

Program 1: Penghayatan Nilai-Nilai Murni

Tiga (3) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh tiga (3) tahun melibatkan **BSK** dan **BKP**.

A1 - Kolaborasi Roundtable Talk Pengukuhan Integriti

A2 - Melaksanakan Kajian Pengukuhan Modul Latihan Pelatih

A3 - Program *Curbing Misconduct Culture* (CMC)

STRATEGI 3: PENGUKUHAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI

Program 1: Pengurusan Media dan Komunikasi Strategik

Tiga (3) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BSK**.

A1 - Menyediakan Pelan Komunikasi Strategik IPCC

A2 - Mewujudkan Platform Media Sosial Rasmi IPCC

A3 - Mempromosi Peranan dan Aktiviti IPCC Melalui Platform Media Sosial Rasmi IPCC

PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 2: MEMPERKASAKAN PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN

STRATEGI 1: PENGUKUHAN MEKANISME KAWALAN DAN PEMATUHAN

Program 1: Pewujudan dan Pelaksanaan Jawatankuasa di bawah Akta 839

Sebelas (11) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BSK, BHEP, BKP** dan **BAS**.

- A1 - Mewujudkan Jawatankuasa Aduan
- A2 - Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Maklumat dan Sistem
- A3 - Mewujudkan Jawatankuasa Perundangan
- A4 - Mewujudkan Jawatankuasa Naziran
- A5 - Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Aduan
- A6 - Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Maklumat dan Sistem
- A7 - Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan
- A8 - Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Naziran
- A9 - Menyelarar Tuntutan Elaun Mesyuarat Jawatankuasa-Jawatankuasa di IPCC
- A10 - Melaksanakan Mesyuarat Berkaitan Laporan Perkembangan Kes-kes Di Bawah Seksyen 26 Akta Suruhanjaya Bebas
Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] :(MBK)
- A11 - Mesyuarat Status Aduan

STRATEGI 1: PENGUKUHAN MEKANISME KAWALAN DAN PEMATUHANProgram 2: Pewujudan Sumber Rujukan dan Pengoperasian

Enam (6) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BSK, BHEP, BKP** dan **BAS**.

- A1 - Menyediakan SOP Pengurusan Aduan
- A2 - Menyediakan SOP Pengendalian Siasatan
- A3 - Menyediakan SOP Pelaksanaan Naziran
- A4 - Menyediakan, Menyemak dan Menambah Baik Arahan Pentadbiran (AP) IPCC
- A5 - Kajian Perbandingan Rujukan Mandatori di bawah Seksyen 26, Akta 839
- A6 - Menyediakan SOP Pembangunan Sistem

STRATEGI 1: PENGUKUHAN MEKANISME KAWALAN DAN PEMATUHANProgram 3: Mewujudkan Piagam Pelanggan

Satu (1) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BSK, BHEP, BKP** dan **BAS**.

- A1 - Mewujudkan Piagam Pelanggan IPCC

PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 3: MEMPERKUKUHKAN DASAR DAN PERUNDANGAN

STRATEGI 1: PEMANTAPAN AKTA 839

Program 1: Kajian Semula Dasar dan Perundangan

Empat (4) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh sehingga tiga (3) tahun melibatkan **BSK** dan **BHEP**.

- A1 - Sesi Libat Urus Pemantapan Akta 839
- A2 - Menyediakan Pangkalan Data Jawapan Parlimen
- A3 - Melaksanakan Kajian Penambahbaikan Akta 839
- A4 - Melaksanakan Kajian Badan Pemantau Bebas Tatakelakuan Polis Luar Negara

STRATEGI 1: PEMANTAPAN AKTA 839

Program 2: Penyediaan Peraturan/Garis Panduan/SOP

Satu (1) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh sehingga tiga (3) tahun melibatkan **BHEP**.

- A1 - Menggubal peraturan-peraturan di bawah Seksyen 26, Akta 839 IPCC

PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 4:

MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

STRATEGI 1: PENGUKUHAN KOMPETENSI PEGAWAI IPCC

Program 1: Pewujudan Profil Kompetensi Sumber Manusia

Tiga (3) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BKP**.

A1 - Melaksanakan Kajian Perbandingan Pelan Sumber Manusia

A2 - Menyediakan Profil Kompetensi IPCC

A3 - Pelan Pembangunan Sumber Manusia IPCC

STRATEGI 2: PEMBANGUNAN TEKNOLOGI/SISTEM

Program 1: Pembangunan Sistem e-Aduan dan Siasatan

Dua (2) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh satu (1) tahun melibatkan **BSK** dan **BAS**.

A1 - Melaksanakan Perbandingan Sistem-Sistem Aduan Agensi Penguatkuasaan Dalam Negara (SIAP, JIPS dan JIM)

A2 - Menyediakan Kerangka e-Aduan IPCC

STRATEGI 3: PENDIGITALAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN IPCC

Program 1: Mewujudkan Sistem Kewangan

Tiga (3) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BKP**.

A1 - Pelaksanaan Sistem SAGA

A2 - Pewujudan Sistem Autocount

A3 - Pembayaran Emolumen dan Bayaran Lain

STRATEGI 4: DATA MINING

Program 1: Pembangunan Pangkalan Data IPCC

Tiga (3) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BSK** dan **BAS**.

- A1 - Mewujudkan Platform Pengumpulan Data (media sosial, libat urus, aduan)
- A2 - Menyediakan Analisa Profilling (pengadu, pegawai yang diadu, jenis aduan, lokasi, tindakan penyelesaian)
- A3 - Kajian Pengintegrasian Data dengan Agensi Berkaitan seperti PDRM, SPP, JPN

STRATEGI 5: PEMANTAPAN ORGANISASI

Program 1: Memperkasa Sumber Manusia

Tujuh (7) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BHEP** dan **BKP**.

- A1 - Mewujudkan Kerjasama Strategik Bersama Jabatan/Agensi Kerajaan
- A2 - Menyediakan Modul Latihan Berdasarkan Keperluan Kemahiran
- A3 - Melaksanakan Sesi Lawatan/Menghadiri Seminar/Persidangan/Latihan/Kursus
- A4 - Melaksanakan Penetapan Gaji Permulaan yang Lebih Tinggi kepada Pegawai IPCC Lantikan Baharu
- A5 - Mengadakan Mesyuarat Tatakelola IPCC
- A6 - Mewujudkan Strategi Anti Rasuah Organisasi (OACS) IPCC
- A7 - Menyediakan Kod Etika IPCC

STRATEGI 5: PEMANTAPAN ORGANISASI

Program 2: Menyediakan Ruang Kerja Yang Kondusif

Lima (5) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BKP**.

- A1 - Keperluan Aset dan Fasiliti (pindaan Disember 2024)
- A2 - Naziran Keselamatan Perlindungan
- A3 - Penyediaan Ruang Pejabat IPCC
- A4 - Pelaksanaan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT)
- A5 - Menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan

STRATEGI 5: PEMANTAPAN ORGANISASI

Program 3: Kecekapan Tadbir Urus Akauntabiliti dan Kewangan

Tiga (3) Aktiviti telah disenaraikan untuk mencapai program ini bagi tempoh antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun melibatkan **BKP**.

A1 - Menyediakan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir

A2 - Memperoleh Pensijilan SAGA/ Pematuhan Pensijilan SAGA (SAGA compliance)

A3 - Pelaksanaan Audit Kewangan dan Perakaunan



5

PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK

MEKANISME PELAKSANAAN

Jentera Pelaksanaan

- Satu platform Mesyuarat PS IPCC 2024 - 2027 telah diwujudkan yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif selaku Pengerusi, Pengarah-Pengarah Bahagian dan wakil daripada setiap Bahagian untuk berbincang serta memantau pelaksanaan semua program dan aktiviti yang telah dirancang.

Penyediaan Belanja Mengurus dan Pembangunan

- Setiap Bahagian akan menyediakan anggaran peruntukan belanja yang diperlukan bagi menjayakan program yang telah dicadangkan dalam pelan strategik ini.

PEMANTAUAN DAN PENCAPAIAN

Laporan Pelaksanaan

- Laporan Pelaksanaan PS IPCC 2024 - 2027 akan dibentangkan 2 kali setahun dalam Mesyuarat Pelan Strategik dan Mesyuarat Suruhanjaya.

Kajian Prestasi

- Kajian pencapaian prestasi program dan aktiviti dilaksanakan pada setiap pertengahan dan hujung tahun bagi menilai pencapaian prestasi dan keberkesanan program dan aktiviti yang dirancang.

PENILAIAN

Program yang tidak mencapai sasaran dan tidak relevan dengan situasi semasa akan dinilai di dalam Mesyuarat PS IPCC 2024 – 2026. Urus Setia PS IPCC 2024 – 2026 akan melaksanakan kajian semula PS IPCC 2024 – 2026 bagi menyelaraskan hala tuju dan strategi baharu yang bersesuaian dengan cabaran dan senario persekitaran semasa. Penilaian akan dibuat melalui maklum balas pelaporan dan cadangan di dalam mesyuarat yang berkenaan secara berkala.

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Pengurusan

- **Pengurusan Tertinggi IPCC hendaklah memberikan perhatian dan komitmen bagi menjayakan PS IPCC 2024 - 2026 agar dapat memberi impak kepada pencapaian matlamat PS ini.**

Kepimpinan

- **Pengetahuan, komitmen dan kepakaran yang tinggi berkaitan fungsi dan peranan IPCC.**

Tadbir urus

- **Membudayakan integriti dan memperkasakan kualiti dalam sistem penyampaian perkhidmatan bagi meningkatkan imej dan kecemerlangan IPCC.**

Pelan Media

- **Meningkatkan hubungan kerjasama dengan media, pihak berkepentingan dan kumpulan sasar bagi membolehkan hebahan maklumat dibuat dengan tepat dan komprehensif.**

PENUTUP

PS IPCC 2024 - 2026 dihasilkan bagi memastikan visi, misi dan objektif penubuhan IPCC tercapai selaras dengan hasrat Pengurusan Tertinggi IPCC untuk menjadikan IPCC sebagai agensi peneraju pemeraksanaan integriti yang terbaik dalam kalangan anggota pasukan polis.

Dalam konteks ini, seluruh warga kerja IPCC hendaklah melaksanakan program-program yang telah dirancang bagi mencapai objektif penubuhan IPCC berlandaskan pendekatan nilai-nilai teras IPCC iaitu berwibawa, prihatin dan saksama.

PS IPCC 2024 - 2026 adalah panduan yang dirangka bagi mencapai sasaran yang ditetapkan berlandaskan hala tuju IPCC melalui empat (4) teras, 10 strategi, 14 program dan 61 aktiviti yang melibatkan tempoh selama tiga tahun. Justeru, adalah diharapkan agar PS IPCC 2024 - 2026 ini dapat membawa perubahan yang positif dalam usaha menangani isu integriti dan salah laku anggota pasukan polis secara tegas, telus dan efisien.

IPCC akan terus memainkan peranan penting dalam pengukuhan integriti anggota pasukan polis selaras dengan Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis [Akta 839]. Keberkesanan IPCC sebagai badan pemantau bebas akan dapat mengukuhkan kepercayaan rakyat dengan memastikan keadilan, ketelusan dan akauntabiliti pasukan polis serta melindungi hak rakyat. IPCC juga bertekad untuk menjaga integriti dan maruah anggota pasukan polis. Kejayaan IPCC melaksanakan Pelan Strategik IPCC ini akhirnya akan memastikan ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan negara.